

63

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2017

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran warta/pemberitahuan awam bagi pertukaran status PT9244 Mukim Kuala Lumpur daripada kawasan lapang awam kepada kawasan pembangunan bercampur dan butiran kelulusan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan termasuk tarikh kelulusan, rasional dan syarat kelulusan mengeluarkan hakmilik kepada Yayasan Wilayah Persekutuan bagi PT 9244 itu yang merupakan sebahagian tapak asal Taman Rimba Kiara.

JAWAPAN : YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PT 9244 adalah tanah Kerajaan yang belum diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Sehubungan itu, tiada butiran warta/ pemberitahuan awam dapat dinyatakan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan yang ke 647/2012 bertarikh 8 November 2012 telah bersetuju meluluskan sebahagian tanah Kerajaan iaitu PT 9244, Mukim Kuala Lumpur bagi tujuan pembangunan bercampur.

Hakmilik telah sempurna didaftarkan di atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan pada 9 Disember 2016 yang berpegangan No. Hakmilik PN 52623 Lot 480948, Mukim Kuala Lumpur.

Rasional pemberimilikan kepada Yayasan Wilayah Persekutuan adalah syarikat bercadang membangun semula kawasan tersebut dengan perumahan mampu milik yang akan memberi tumpuan kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Disamping itu, ianya juga akan meningkatkan hasil Kerajaan melalui bayaran premium tanah.

Sekian terima kasih.